
Hubungan Antara Amalan Pengurusan Sumber Manusia Dan Tahap Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah-Sekolah Kluster Kecemerlangan

Fatimah Mazlan¹, Jamalul Lail Abdul Wahab²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: timmazlan@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
E-mail: jamall64@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan amalan sumber manusia terhadap kepuasan kerja di dua buah Sekolah Kluster Kecemerlangan di Sarawak. Dalam kajian ini, tiga dimensi amalan sumber manusia iaitu latihan dan pembangunan, penilaian prestasi, dan ganjaran dan faedah dikaji pengaruh dan hubungannya terhadap kepuasan kerja guru. Seramai 138 orang responden, daripada kedua-dua buah sekolah telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) IBM versi 20.0 digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul melalui soal selidik berasaskan tinjauan. Objektif kajian ini telah terjawab menggunakan analisis korelasi Pearson dan analisis deskriptif, dan keputusan juga dibentangkan menggunakan statistik analisis kedua-duanya. Kesemua tiga dimensi amalan sumber manusia adalah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kepuasan kerja, dengan penilaian prestasi menunjukkan yang sumbangan paling kukuh kepada kepuasan kerja. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepuasan kerja guru adalah tinggi (min = 4.32, SP = .416). Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan sumber manusia (PSM) dan tahap kepuasan kerja guru. Makanya, pihak bertanggungjawab perlulah memberi kepingatan dalam memastikan individu yang dilantik kekal berkualiti.

Kata Kunci: *Kepuasan kerja guru; Pengurusan Sumber Manusia; Sekolah Kluster Kecemerlangan.*
